

# Panduan untuk Kisah Kejayaan

## Guide for Success Stories

Tujuan dokumen ini adalah untuk menyediakan panduan kepada penyelia-penyalia (pengurus atau penolong pengurus) bagi jenis maklumat yang diperlukan untuk Kisah Kejayaan yang ditemui melalui Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M).

*The purpose of this document is to provide a guide to the supervisors (manager or assistant manager) on the type of information required in the success stories found through Pusat Internet 1Malaysia (PI1M).*

### Types of Success Story (please tick (\) one)

- Keusahawanan
- Celik ICT / Komuniti Pintar

### Service Provider (please tick (\) one)

- |   |  |
|---|--|
| <input checked="" type="checkbox"/> Telekom Malaysia (TM) | <input type="checkbox"/> Packet 1 (P1) |
| <input type="checkbox"/> Celcom                           | <input type="checkbox"/> Time          |
| <input type="checkbox"/> Maxis                            | <input type="checkbox"/> Redtone       |
| <input type="checkbox"/> Digi                             | <input type="checkbox"/> Danawa        |

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT			
<b>Maklumat PI1M</b>	<b>Nama PI1M</b>	Pusat Internet 1 Malaysia Kampung Bayai Lama		
	<b>Nama Pengurus</b>	Noor Afiqah binti Mohd Rais	<b>No. Telefon</b>	019-6837587
	<b>Nama Penolong Pengurus</b>	Nur Fatin Anisah binti Anis	<b>No. Telefon</b>	011-12033191
	<b>Email</b>	kgbayailama@pi1m.com.my		
<b>Lokasi</b>	<b>Daerah</b>	Jempol	<b>DUN</b>	Serting
	<b>Mukim</b>	Serting Ulu	<b>Parlimen</b>	P127 Jempol
	<b>Negeri</b>	N.Sembilan		

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT															
<b>Maklumat Individu/ Organisasi</b>	<table border="1"> <tr> <td><b>Nama</b></td><td>Puan Rozila Binti Mahadi</td><td><b>Umur</b></td><td>32</td></tr> <tr> <td><b>Email</b></td><td>rozilla@yahoo.com</td><td><b>No. Telefon</b></td><td>017-3507498</td></tr> <tr> <td><b>Alamat</b></td><td>No 82, Kampung Bayai Lama, 72200 Batu Kikir, Negeri Sembilan.</td><td><b>Tahun menjadi Ahli PI1M</b></td><td>2016</td></tr> </table>				<b>Nama</b>	Puan Rozila Binti Mahadi	<b>Umur</b>	32	<b>Email</b>	rozilla@yahoo.com	<b>No. Telefon</b>	017-3507498	<b>Alamat</b>	No 82, Kampung Bayai Lama, 72200 Batu Kikir, Negeri Sembilan.	<b>Tahun menjadi Ahli PI1M</b>	2016
<b>Nama</b>	Puan Rozila Binti Mahadi	<b>Umur</b>	32													
<b>Email</b>	rozilla@yahoo.com	<b>No. Telefon</b>	017-3507498													
<b>Alamat</b>	No 82, Kampung Bayai Lama, 72200 Batu Kikir, Negeri Sembilan.	<b>Tahun menjadi Ahli PI1M</b>	2016													
<b>Bentuk perniagaan</b>	Usahawan, Pemilik Butik Rozelle Wardrobe															
<b>Kisah kejayaan</b>	<p><b>Latar belakang</b></p> <p>Puan Rozila merupakan seorang ibu tunggal dan perlu menyara dua orang puteranya. Atas desakan ekonomi serta untuk mencari rezeki bagi membesarakan puteranya beliau telah mula berjinak-jinak dalam dunia perniagaan dengan mengambil tempahan menjahit. Dalam masa yang sama, beliau telah mempraktikkan ilmu pengurusan perniagaan yang telah beliau pelajari di Politeknik Merlimau serta kemahiran menjahit yang telah cedok ilmu tersebut ketika beliau menuntut di Institut Teknologi Yayasan Negeri Sembilan. Maka dengan itu, tempahan baju ini semakin lama semakin mendapat sambutan kerana Puan Rozila juga turut menjahit beberapa pakaian serta keperluan kanak-kanak dimana masih belum ramai agi yang mengeluarkan produk begitu. Ternyata barang ini juga mendapat perhatian dari kawan-kawan terdekatnya.</p> <p><b>Sebelum penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</b></p> <p>Sebelum Pusat Internet 1Malaysia Kampung Bayai Lama ditubuhkan, perkhidmatan jahitan yang dijalankan oleh Puan Rozila hanya menerima tempahan dari keluarga serta kenalan terdekat. Selain itu, beliau juga menerima tempahan dari penduduk kampung. Hal ini adalah kerana, beliau tidak dapat mempromosikan perkhidmatan yang beliau tawarkan secara meluas. Perkhidmatan jahitan beliau sangat terhad kepada mereka yang terdekat sahaja sebelum adanya ilmu ICT dan Pusat Internet 1Malaysia Kampung Bayai Lama. Hal ini demikian kerana, Kampung Bayai Lama tidak mempunyai capaian internet yang baik dan ianya menghalang dan menyusahkan beliau daripada mempromosikan perniagaan ini kepada orang luar melalui media-media sosial dan media cetakan.</p>															

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p><b><u>Selepas penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</u></b></p> <p>Melalui kelas latihan keusahawanan dan kelas-kelas ICT yang dibimbing oleh pengurus dan penolong pengurus Pusat Internet 1Malaysia Kampung Bayai Lama, Puan Rozila kini boleh mengiklankan serta mempromosikan perkhidmatan jahitan serta produk-produk yang telah dijahit oleh beliau dalam laman media sosial seperti <i>Facebook</i>, aplikasi <i>Whatsapps</i> dan <i>Instagram</i>. Hal ini demikian kerana pelanggan lebih mudah untuk berurusan dengan memperolehi info mengenai perkhidmatan jahitan yang ditawarkan serta produk-produk jahitan yang baru dihasilkan oleh beliau melalui iklan yang dimuat naik oleh Puan Rozila di dalam laman sosial. Selain itu, dengan ilmu ICT yang telah diterima oleh beliau melalui kelas yang telah beliau ikuti di PI1M, beliau juga dapat mempromosikan perkhidmatan serta produk melalui media cetakan. Secara tidak langsung pendapatan bulanan beliau kini meningkat sedikit demi sedikit iaitu antara RM500-RM600. Permintaan ini akan meningkat apabila menjelang musim perayaan dan pendapatan Puan Rozila boleh mencapai sebanyak RM2000. Produk ini juga telah dipasarkan di Karnival Usahawan Desa (KUD) 2015 yang diadakan di Putrajaya dan juga di Karnival Usahawan anjuran Felcra di Wisma Felcra 2017. Antara kebaikan lain yang dapat diaplikasikan oleh beliau selepas wujudnya PI1M adalah beliau dapat menginovasikan lagi hasil produk dengan pelbagai variasi dan mengikut peredaran fesyen terkini. Hal ini adalah kerana, beliau dapat mencari idea-idea baru untuk menginovasikan produk beliau di PI1M dengan bantuan serta bimbingan pengurus dan penolong pengurus PI1M. Kini, bukan sahaja ahli keluarga terdekat yang membuat tempahan tetapi dari seluruh Malaysia.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT												
Penggunaan PI1M	<p><b><u>Apa yang dipelajari melalui PI1M</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempelajari cara untuk memuat naik gambar atau membuat iklan di laman <i>Facebook</i> serta <i>Instagram</i>.</li> <li>• Mempelajari perisian <i>Microsoft Office Word</i> bagi memudahkan untuk mengisi maklumat pelanggan dan penyediaan dokumen-dokumen urusan jual beli.</li> <li>• Dapat mempelajari cara-cara untuk melayari internet untuk mendapatkan idea-idea untuk menginovasikan produk yang sedia ada.</li> <li>• Mempelajari perisian <i>Microsoft Office Publisher</i> untuk menghasilkan pamphlet.</li> <li>• Selain itu juga, Puan Rozila telah mempelajari perisian <i>Microsoft Office Excel</i> untuk memudahkan urusan akaun butik <i>Rozelle Wardrobe</i>.</li> </ul> <p><b><u>Bagaimana PI1M membantu perkembangan perniagaan/ peningkatan tahap kemahiran ICT</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• PI1M dapat membantu terutamanya untuk memuat naik gambar ke dalam laman <i>Facebook</i>.</li> <li>• Selain itu, PI1M juga dapat membantu untuk mempromosikan barang di laman <i>Instagram</i> iaitu salah satu laman yang terkenal untuk memberitahu serta mempromosi kepada umum mengenai produk jualan.</li> <li>• Memberi kelas tambahan atau kelas-kelas ICT secara percuma kepada ahli berdaftar dan meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai teknologi pada masa kini.</li> <li>• Butiran-butiran yang dimuat naik dalam laman sosial memberikan info yang sangat berguna kepada pelanggan dan membuatkan bilangan pelanggan bertambah untuk membeli barang jualan selain daripada pengunjung yang semakin ramai datang ke butik <i>Rozelle Wardrobe</i>.</li> </ul>												
Online Platform	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 15%;"><b>Laman Web</b></td><td style="width: 35%;">-</td><td style="width: 15%;"><b>Blog</b></td><td style="width: 40%;">-</td></tr> <tr> <td><b>FB</b></td><td>Rozila Mahadi <a href="https://www.facebook.com/rozila.mahadi">https://www.facebook.com/rozila.mahadi</a></td><td><b>Instagram</b></td><td>by_rozilamahadi, rozila_mahadi <a href="https://www.instagram.com/rozil_mahadi/?hl=en">https://www.instagram.com/rozil_mahadi/?hl=en</a></td></tr> <tr> <td><b>Whatsapp</b></td><td>Telefon sendiri</td><td><b>Email</b></td><td>rozilla@yahoo.com</td></tr> </table>	<b>Laman Web</b>	-	<b>Blog</b>	-	<b>FB</b>	Rozila Mahadi <a href="https://www.facebook.com/rozila.mahadi">https://www.facebook.com/rozila.mahadi</a>	<b>Instagram</b>	by_rozilamahadi, rozila_mahadi <a href="https://www.instagram.com/rozil_mahadi/?hl=en">https://www.instagram.com/rozil_mahadi/?hl=en</a>	<b>Whatsapp</b>	Telefon sendiri	<b>Email</b>	rozilla@yahoo.com
<b>Laman Web</b>	-	<b>Blog</b>	-										
<b>FB</b>	Rozila Mahadi <a href="https://www.facebook.com/rozila.mahadi">https://www.facebook.com/rozila.mahadi</a>	<b>Instagram</b>	by_rozilamahadi, rozila_mahadi <a href="https://www.instagram.com/rozil_mahadi/?hl=en">https://www.instagram.com/rozil_mahadi/?hl=en</a>										
<b>Whatsapp</b>	Telefon sendiri	<b>Email</b>	rozilla@yahoo.com										

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
<b>Gambar &amp; Keterangan</b>	<p><b>i) Bengkel Latihan ICT/ Keusahawanan yang dihadiri</b></p>  <p>Caption : Puan Rozila yang sedang menyertai latihan mengedit gambar yang telah dianjurkan oleh Pusat Internet 1Malaysia Kampung Bayai Lama</p>
	 <p>Caption : Puan Rozila telah berjaya membuat pamphlet untuk mempromosikan perniagaan beliau hasil daripada latihan ICT yang telah dihadiri oleh beliau di PI1M Kampung Bayai Lama</p>

**ITEM  
JENIS**


**INFORMATION  
MAKLUMAT**

**ii) Produk / Hasil Transformasi**




Caption : Antara produk yang telah diinovasikan serta diniagakan oleh Puan Rozila secara atas talian dan juga di Butik *Rozelle Wardrobe*

**iii) Promosi di Media Sosial / Laman Web**



Caption : Antara iklan yang dibuat oleh Puan Rozila di laman *Facebook* supaya lebih ramai pelanggan mengetahui mengenai produk beliau

**ITEM  
JENIS****INFORMATION  
MAKLUMAT**

Caption : Antara iklan yang dibuat oleh Puan Rozila di laman *Instagram* supaya lebih ramai pelanggan mengetahui mengenai produk beliau

**iv) Lain-lain (contoh : proses penghasilan produk, penglibatan dalam aktiviti lain, dsb)**

Caption : Susun atur perniagaan Puan Rozila di Rozelle Wardrobe

ITEM  
JENIS

INFORMATION  
MAKLUMAT



Caption : Antara tag nama yang telah diletakkan pada semua produk yang dijual oleh Puan Rozila



Caption : Puan Rozila juga turut serta membuat pameran jualan yang telah diadakan di Wisma Felcra

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
<b>Maklum balas</b>	<p><b>Maklum balas terhadap latihan dan bantuan yang diberikan oleh pihak PI1M</b></p> <p>Selaras dengan usaha murni pihak kerajaan dalam memajukan penduduk di luar bandar terutamanya, PI1M harus diperbanyakkan lagi seluruh Malaysia kerana dapat membantu penduduk di luar bandar khususnya menimba ilmu dan tidak ketinggalan dengan arus modenisasi yang sangat memerlukan ilmu ICT dalam kehidupan seharian.</p> <p>Selain itu, promosi mengenai PI1M juga perlu dipergiatkan supaya dapat menarik minat ramai lagi penduduk setempat untuk berkunjung ke sini untuk mendapatkan kemudahan dengan melayari internet dan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah disediakan serta dapat menjana ekonomi penduduk luar bandar seterusnya merapatkan jurang digital.</p>

**Sila kemukakan laporan ini berlandaskan panduan yang diberikan dan dihantar ke  
Jabatan Komuniti Pintar Digital melalui emel kepada  
[noor.hidayah@cmc.gov.my](mailto:noor.hidayah@cmc.gov.my)**

**Tarikh Penyerahan Laporan :**

Tempoh data	Penyerahan laporan
<b>Suku Pertama (Jan – Mac)</b>	<b>sebelum 1 April</b>
<b>Suku Kedua (April – Jun)</b>	<b>sebelum 1 Julai</b>
<b>Suku Ketiga (Julai – Sep)</b>	<b>sebelum 1 Oktober</b>
<b>Suku Keempat (Okt – Dis)</b>	<b>sebelum 1 Januari</b>